



**KENANGAN...** Rombongan UMS mengambil gambar kenangan bersama Majlis Tertinggi dan Ahli Jawatankuasa KSS. Kelihatan D Kamarudin (duduk tiga dari kiri) dan Datuk Marcel (duduk empat dari kiri).



**LOGO...**  
D Kamarudin (kiri)  
memasangkan  
pin logo UMS  
pada baju  
Datuk Marcel  
(kanan). Tamat

## UMS-KSS jalinkan kerjasama strategik

PENAMPANG: Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan kunjungan hormat kepada Kadazan Society Sabah (KSS) di kediaman Presidennya, Datuk Marcel Leiking, di sini, pada Selasa.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin berkata, kunjungan itu sebagai satu usaha untuk membina jalinan kerjasama strategik, termasuk bidang penyelidikan, yang boleh memanfaatkan komuniti setempat.

“Sebagai makluman, UMS telah menetapkan budaya dan bahasa peribumi (orang asal) sebagai salah daripada tujuh bidang tumpuan penyelidikan UMS

“Kunjungan ke KSS pada kali ini sekali gus akan menyemarakkan lagi penyelidikan dalam bidang ini yang dilihat mampu meninggikan lagi martabat bahasa dan budaya masyarakat peribumi di negeri Sabah,” katanya ketika ditemui selepas kunjungan tersebut.

Prof. Datuk Dr. D Kamarudin turut memaklumkan bahawa UMS telah menubuhkan Institut Kajian Peribumi Borneo (BoRIIS) yang antara laju akan meneraju penyelidikan berkaitan budaya dan bahasa peribumi.

Terdahulu, kehadiran UMS telah disambut oleh Datuk Marcel dan barisan Majlis Tertinggi serta Ahli-ahli Jawatankuasa KSS.

Datuk Marcel turut memberikan taklimat mengenai latar belakang dan hala tuju KSS kepada rombongan UMS yang hadir.

Hadir sama, Penolong Naib Canselor UMS, Prof. Dr Marcus Jopony; Pengarah BORIIS UMS, Prof. Dr. Rosazman Hussin, Pengarah Pusat Kajian Bencana Alam UMS, Prof. Dr Felix Tongkul dan Dekan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa UMS, Prof. Dr. Jualang Gansau.